**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA**
**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**
**YANG KEEMPAT BELAS**
**02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(VIII)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG**
**YB. LIM SIEW KHIM**

1 Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperuntukkan RM1,000,000 dalam sektor pembangunan *E-Sports*.

(a) Sila kemukakan penyelidikan/statistik yang telah dibuat supaya boleh dilihat oleh orang awam.

(b) Sila senaraikan pelan yang terperinci untuk 3 tahun yang akan datang supaya orang awam lebih memahami bagaimana dan apakah kegiatan/aktiviti yang akan/telah dijalankan dengan peruntukan tersebut? Huraikan.

**YB. SOON LIP CHEE**
**MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1 Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) bertanggungjawab untuk pembangunan *E-Sports* di Pulau Pinang dan telah menyediakan perancangan inisiatif *E-SportsPG* bagi tahun 2018 yang merangkumi 5 langkah seperti berikut:

(a) Pengenalan *E-SportsPG* kepada Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam negeri

Sebanyak 8 IPT dalam negeri dan 371 orang pelajar terlibat dalam lawatan dan sesi perkongsian *E-SportsPG* bersama PYDC.

**Commented [1]:** <!--<div class="row">-->
**Commented [2]:** START TABLE 1
**Commented [3]:** <!--tr>
<th colspan="2" class="text-center">02 OGOS 2018</th>
</tr-->

Selain itu, PYDC juga mengadakan *E-Sports Experience* di 1st Avenue untuk memberi pengalaman permainan dan pertandingan *E-Sports* kepada orang ramai. Seramai 10,000 anggaran pengunjung telah menghadiri aktiviti tersebut dalam 2 hari.

(b) Persediaan Pusat E-Sports

PYDC sedang dalam perbincangan dengan beberapa syarikat pelabur yang berminat untuk melabur dalam Pusat *E-Sports* di Negeri Pulau Pinang.

(c) Mengadakan pertandingan dan pameran

PYDC dengan kerjasama pihak swasta telah mengadakan pertandingan *E-Sports* seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| (i) | *Asus Rog Open Category & University* | - Sumbangan : RM20,000.00 |
| (ii) | *League Of Makers* | - Sumbangan : RM1,200.00 |
| (iii) | *Esports Experience* | - Sumbangan : RM100,000.00 |
| (iv) | *Esports Campus Roadshow* | - Sumbangan : RM1,000.00 |
| (v) | SEGI Carnival | - Sumbangan : RM2,000.00 |
| (vi) | USM *The Dota 2* | - Sumbangan : RM2,000.00 |
| (vii) | Kejohanan *Mobile Legends Bang Bang* PSDC; | - Sumbangan : RM225.00 |

(d) Persediaan Peluang Pekerjaan dalam bidang *E-Sports*; dan

(e) Pemilihan dan Pengurusan Pasukan Negeri *E-Sports*

**Commented [4]:** <!--<table><tbody>
<tr>
<td width="30%" height="20" valign="top" class="text-left">ID171/FARA</td>
<td class="text-center" valign="top" align="center"><div id="pageFooter"></div></td>
</tr>
</tbody>
</table>-->